

Amalan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat Pelajar Bermasalah Pendengaran Politeknik Malaysia

Solehah Samsudin, Rafidah Ahmad & Musleha Mokter

^{1*} Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Malaysia

^{1*}Corresponding author: solehahsamsudin0811@gmail.com

Abstrak

Pengajaran Ibadah solat bagi pelajar bermasalah pendengaran memerlukan kepada kaedah yang tersendiri bagi memastikan golongan ini dapat menjalankan amanah sebagai hamba Allah SWT dengan baik dan sempurna. Kelainan upaya golongan ini juga mewujudkan salah faham terhadap kewajipan pelaksanaan ibadah solat mereka. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan kaedah pengajaran ibadat solat terhadap pelajar bermasalah pendengaran semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Instrumen temubual dijalankan kepada responden yang terdiri daripada pensyarah yang berpengalaman lebih 5 tahun mengajar kursus Pendidikan Islam 1 dan Pendidikan Islam 2 di Politeknik Malaysia. Hasil temubual dianalisis menggunakan perisian ATLAS ti. 24. Kajian mendapati amalan kaedah pengajaran yang digunakan dalam pengajaran ibadah pelajar bermasalah pendengaran adalah bermula dengan kaedah penerangan, kaedah demonstrasi, kaedah praktikal, dan kaedah aktiviti pengukuhan. Kesemua hasil kajian ini telah membentuk satu kerangka lengkap amalan kaedah pengajaran ibadah solat pelajar bermasalah pendengaran yang dapat menjadi panduan semua pensyarah kursus Pendidikan Islam pelajar bermasalah pendengaran di Politeknik Malaysia khususnya dan juga di pelbagai peringkat amnya. Hasil pelaksanaan kaedah pengajaran ini juga diharapkan dapat memberikan kefahaman ibadah solat yang sempurna kepada pelajar bermasalah pendengaran dan semangat dalam melaksanakan ibadah dalam kehidupan seharian mereka.

Katakunci: kaedah pengajaran, ibadah solat, pelajar bermasalah pendengaran

1.0 PENGENALAN

Ilmu ibadah merupakan kewajipan ke atas setiap Muslim, khususnya yang telah mencapai tahap mukallaf. Muslim yang mukallaf dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan segala perintah syariat, termasuklah ibadah solat. Walaupun dari sudut terminologi, taklif membawa maksud beban tanggungjawab, namun ia tidak bersalahan dengan sifat Allah SWT yang Maha Adil (Wan Zailan & Ahmad Zuhdi, 2008). Allah SWT hanya membebaskan hamba-Nya mengikut kadar kemampuan masing-masing, sebagaimana firman-Nya: “Allah SWT tidak akan membebani seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya” (Surah al-Baqarah, 2:286). Golongan kurang upaya seperti pekak, bisu dan buta dikategorikan sebagai mukallaf kerana mereka masih mempunyai akal, boleh menerima dakwah dan mempelajari ilmu (Hamdi Ishak, 2010). Namun pelaksanaan syariat bagi

mereka adalah mengikut kemampuan, sebagaimana sabda Rasulullah SAW: *“Apabila aku perintahkan kalian satu perkara, maka laksanakanlah dengan semampu kalian...”* (Sahih Muslim: 1337). Pelaksanaan ibadat mengikut kemampuan bagi golongan kelainan upaya (OKU) adalah termasuk dalam rukhsah yang termaktub dalam wahyu Allah SWT (Mohammad Asyiq Azwar Mohammad Idris & Mohd Arif Nazri, 2022).

Politeknik Malaysia telah menawarkan program TVET bagi pelajar bermasalah pendengaran di politeknik tertentu. Antara subjek yang diwajibkan adalah kursus Pendidikan Islam 1 dan Pendidikan Islam 2 bagi melengkapkan ilmu pengetahuan pelajar terhadap ibadah. Pengajaran ibadah solat di dalam kursus ini adalah berkenaan perbezaan solat wajib dan sunat, cara pelaksanaan solat dari awal hingga akhir, cara pelaksanaan solat ketika sakit dan juga pengurusan jenazah (solat jenazah). Walaupun kini, terdapat perubahan dalam kurikulum kursus Pendidikan Islam, ilmu berkaitan ibadat solat masih sama. Ini kerana kepentingan mempelajari ilmu ibadat solat adalah penting bagi setiap muslim.

Ibadah solat adalah ibadat yang membentuk seseorang bergelar muslim. Syarat sah, syarat wajib dan rukun solat perlu difahami dan dipenuhi dalam memastikan penerimaan ibadat solat tersebut. Bagi golongan bermasalah pendengaran, terdapat beberapa isu yang dikenalpasti dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan solat. Isu pertama ialah kekangan yang dihadapi oleh pelajar, dari sudut kognitif dan komunikasi. Masalah pendengaran menyebabkan mereka mempunyai tahap daya fokus yang rendah, mudah lupa serta tahap pemerolehan bahasa yang terbatas (Nizaita Omar et al., 2021; Solehah Samsudin et al., 2022; Izuli Dzulkifli et al., 2020). Kesukaran bertutur dan memahami bahan pembelajaran juga mendorong mereka bertindak agresif apabila gagal memahami apa yang disampaikan (Solehah et al., 2022). Mereka sering menunjukkan emosi tidak stabil seperti rendah diri dan mudah marah (Yosefina & Diana Permata Seri, 2019), malah ada yang mengalami masalah kesihatan mental akibat pengasingan sosial (Shahrul Arba'aiah, 2017). Keadaan ini menyulitkan proses pembelajaran dan memerlukan pendekatan pengajaran yang bersesuaian.

Isu kedua melibatkan persepsi pelajar terhadap kursus Pendidikan Islam. Terdapat salah faham dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran bahawa mereka tidak dibebani dengan kewajipan agama disebabkan kekurangan fizikal (Nizaita Omar et al.,

2021). Dalam pelaksanaan solat, mereka sukar menyempurnakan rukun qawli, lalu solat hanya dilakukan dalam bentuk pergerakan fizikal semata-mata tanpa penghayatan ruh ibadah. Ini menyebabkan mereka kurang minat terhadap subjek Pendidikan Islam yang dianggap membosankan (Nizaita Omar, 2021), sekaligus menjejaskan pengetahuan asas seperti jenis najis, mandi wajib dan solat (Mohd Huzairi et al., 2017). Namun, tahap amalan ibadah pelajar di politeknik dilaporkan berada pada tahap sederhana tinggi, menandakan peranan sokongan sekeliling amat penting (Khadijah Abdul Razak et al., 2015).

Isu ketiga ialah kemenjadian pelajar bermasalah pendengaran. Kajian menunjukkan bahawa golongan ini kurang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi berbanding pelajar bermasalah penglihatan (Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana, 2018). Meskipun Dasar OKU 2007 digubal bagi menjamin hak pendidikan, pelajar pekak masih ketinggalan (Nizaita Omar et al., 2021). Guru memerlukan kreativiti dan kemahiran pedagogi yang tinggi dalam menyampaikan ilmu kepada golongan ini (Bahariah Ab Rahman et al., 2021; Norisah Ahmad, 2017). Guru juga perlu menguasai psikologi, audiologi, ikhlas dalam mendidik dan merancang pengajaran dengan teliti agar pendidikan kepada pelajar ini benar-benar berkesan (Hamdi Ishak et al., 2012; Suzana et al., 2021).

Bagi menyelesaikan isu-isu tersebut, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti amalan kaedah pengajaran ibadat solat terhadap pelajar bermasalah pendengaran semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung, dengan menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah amalan kaedah pengajaran ibadat solat yang digunakan oleh pensyarah Pendidikan Islam terhadap pelajar bermasalah pendengaran semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes dengan kaedah temubual. Peserta kajian dipilih berdasarkan persampelan bertujuan yang dipercayai memenuhi kriteria kajian dan dapat mewakili populasi pensyarah Pendidikan Islam pelajar bermasalah pendengaran di politeknik Malaysia. Oleh itu, seramai tiga orang sahaja yang dipilih adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman lebih lima tahun berkaitan bidang ini dan telah ditemu bual secara separa berstruktur.


	Jantina	Umur	Bilangan tahun pengalaman	Politeknik
PK1	Perempuan	48	23 tahun	PIS
PK2	Perempuan	42	16 tahun	PKK
PK3	Perempuan	41	13 tahun	PKK

Jadual 1 : Ringkasan latar belakang Peserta Kajian

Data temubual yang diperoleh dianalisis secara tematik dengan menggunakan Atlas.ti 24 untuk mengenal pasti pola dan isu utama berkaitan kaedah pengajaran ibadah solat kepada golongan ini semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian mendapati beberapa kaedah telah digunakan dalam pengajaran ibadah solat semasa proses PdPc berlangsung. Ringkasan penggunaan kaedah pengajaran ibadah solat di tunjukkan dalam rajah berikut:



Rajah 1 Kaedah pengajaran ibadah solat (janaan ATLAS ti.24)

3.1 Kaedah Penerangan

Dapatan temubual mendapati, kesemua peserta kajian menggunakan kaedah penerangan sebagai kaedah pengajaran ibadat solat. Ianya menjadi kaedah pertama yang digunakan oleh kesemua peserta kajian. Mereka juga bersetuju bahawa penggunaan kaedah penerangan adalah berkenaan teori sahaja yang bertujuan untuk menjelaskan topik pembelajaran.

PK1 menjelaskan bahawa penerangan yang diberikan adalah seperti yang dinyatakan “Pertamanya syarahan , syarahan ni banyak la, pengertian, wajib solat, sah solat, rukun solat”(PK1T1:121) dengan bantuan slaid pembentangan yang memberikan gambar-gambar pelaksanaan solat tersebut. Beliau beranggapan bahawa pengajaran ibadah solat adalah pengukuhan sahaja, maka penerangan yang diberikan adalah ringkas sahaja (PK1T1:151). “Untuk solat sakit kita hanya ajar sahaja” (PK1T1:121).

PK2 pula menggunakan kaedah penerangan lebih kepada membentuk kesedaran berkaitan kewajipan dan penghayatan solat. Seperti katanya berkenaan isu solat pelajar “...sebab diorang rasa diorang ada kekurangan. Macam subuh tu lagi payah bila tiada yang boleh kejutkan diorang untuk solat. Tapi ada yang tahu solat itu wajib, dia memang akan betul-betul jaga kewajipan solat. Tapi kalau macam kita buat skala dalam 4 atau 5 orang, mungkin 2 atau 3 orang sahaja yang ada sikap pentingkan solat. Yang tu macam sambil lewa sahaja begitu” (PK2T1:129).

Pelaksanaan kaedah pengajaran ibadah solat PK3 pula adalah sama seperti PK1. Dimana, peserta kajian menggunakan kaedah pengajaran ibadah solat untuk teori dengan bantuan gambar-gambar di dalam slaid pembentangan. Seperti katanya “*Untuk ibadah solat ni, pertama saya gunakan powerpoint slide, dalam slide tu kita letak gambar. Gambar macamana berdiri tegak, sujud bagaimana, rukuk dan sebagainya*” (PK3T1:30).

PELAKSANAAN KAEDAH PENERANGAN		PK1	PK2	PK3
Penyampaian	Menggunakan bahasa isyarat	X	X	X
	Menggunakan kaedah lisan	X	X	X
	Bantuan juru bahasa isyarat		X	
	Bantuan slaid pembentangan	X	X	X
Isi penerangan	Bentuk yang ringkas	X	X	X
	Berkaitan teori solat (rukun, syarat wajib, syarat sah)	X		X
	Berkaitan penghayatan		X	

Jadual 2 : Ringkasan pelaksanaan kaedah penerangan pengajaran ibadah solat.

3.2 Kaedah Demonstrasi

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa jenis demonstrasi yang digunakan oleh peserta kajian adalah demonstrasi model hidup, demonstrasi model simbolik dan demonstrasi model persepsi (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007).

3.2.1 *Demonstrasi Model Hidup:* Demonstrasi model hidup hanya dilaksanakan oleh PK3 dengan melakonkan pelaksanaan solat dihadapan pelajar, kemudian pelajar melihat dan melaksanakannya untuk aktiviti praktikal. Menurutny “*Kaedah seterusnya kita buat demonstrasi, kita tunjukkan cara diri yang betul, rukuk yang betul, sujud yang betul kepada pelajar lah*”(PK3T1:30) dan “*saya lakonkan dulu, bagi pelajar tengok bagaimana. Lepastu, baru kita minta pelajar yang cuba buat semua tu macam simulasi*” (PK3T1:36).

3.2.2 *Demonstrasi Model Simbolik:* Dapatan kajian mendapati bahawa kaedah demonstrasi model simbolik digunakan oleh PK1 dan PK3 dengan menggunakan gambar sebagai penjelasan kepada langkah-langkah pelaksanaan solat. Ini berdasarkan apa yang dinyatakan PK1 “*Lepastu, kita akan tunjuk gambar ataupun video*” (PK1T1:121) dan

PK3 “dalam slide tu kita letak gambar. Gambar macamana berdiri tegak. Sujud bagaimana, rukuk dan sebagainya” (PK3T1:30).

3.2.3 *Demontrasi Modal Persepsi*: PK1 dan PK2 menggunakan video bagi demontrasi modal persepsi. Mereka menayangkan video lebih kepada cara pelaksanaan solat ketika sakit dan juga pengurusan jenazah (solat jenazah). Selain itu, PK2 juga menayangkan video berbentuk kesedaran kepada pelajar contohnya seperti video gambaran azab kubur yang diambil dari aplikasi *youtube.com* ataupun media sosial yang lain.

PELAKSANAAN KAEDAH DEMONTRASI		PK1	PK2	PK3
Demontrasi Model Hidup	Lakonan oleh pensyarah			X
Demontrasi Model Simbolik	Gambar	X	X	X
Demontrasi Model Persepsi	Video tunjukcara	X	X	

Jadual 3 : Ringkasan pelaksanaan kaedah demontrasi pengajaran ibadah solat.

3.3 Kedah Praktikal

Hasil dapatan kajian mendapati, kaedah pengajaran utama yang digunakan oleh kesemua peserta kajian dalam pengajaran ibadat solat adalah kaedah praktikal. Ini dapat dilihat melalui tempoh masa yang lama diambil oleh kesemua peserta kajian bagi melaksanakan kaedah ini.

Bagi PK1, kaedah ini dijadikan sebagai peluang melihat dan menegur kesalahan pelajar. Pelaksanaanya adalah seperti yang dinyatakan iaitu, “*Mula-mula saya akan ajar solat secara jamaah. Saya ketepikan kerusi, saf lelaki dihadapan, saf perempuan di belakang dan kita buat step by step mula dengan takbir, sama-sama buat takbir dan kita akan baikilah*”(PK1T1:121).

Bagi PK2 pula cara beliau melaksanakan kaedah ini dengan melihat pelaksanaan solat pelajar secara individu di luar kelas (surau). Seperti yang dinyatakan *“tunjukcara kita akan terus bawa ke surau. Sorang-sorang tu saya akan kata, ustazah mau kamu buat praktikal solat Subuh depan ustazah. So, kalau orang biasa solat, solat dia akan teratur la. Kalau orang ndak biasa solat. Memang tanggung langgang la sembahyang dia tu. Nampak la cara duduknya tak betul dan lain-lain dengan tunjukcara tu”* (PK2T1:90,91).

Manakala PK3 pula melaksanakan kaedah praktikal satu persatu sejurus setelah sesi demonstrasi. Jelasnya *“saya lakonkan dulu, bagi pelajar tengok bagaimana. Lepastu, baru kita minta pelajar yang cuba buat semua tu macam simulasi. Kita minta dia yang buat macamana cara berdiri yang betul dan sebagainya. Solat yang dibelajar adalah solat ketika sakit kan. Solat ketika sakit tu jarang-jarang kita buat, Jadi kita akan minta dia demo solat semasa duduk, solat ketika baring.”* (PK3T1:36). *“Yang untuk solat jenazah, mula-mula diorang buat lakonkan dulu supaya dia dapat pengalaman dan belajar di situ. Baru kita minta diorang buat praktikal untuk dimarkahkan”* (PK3T1:42).

3.4 Aktiviti Pengukuhan

Aktiviti pengukuhan adalah merupakan penilaian formatif iaitu, penilaian berterusan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan bagi mengukur tahap kemajuan pelajar dalam satu bab ataupun hasil pembelajaran satu masa pembelajaran (Bahariah Ab Rahman, 2021). Terdapat beberapa bentuk aktiviti pengukuhan yang boleh dilaksanakan antaranya, soal jawab lisan, atau bertulis, memeriksa latihan, lembaran kerja dan seumpamanya.

Bagi pengajaran ibadah solat, semua peserta kajian turut melaksanakan aktiviti pengukuhan. Iaitu dengan melaksanakan latihan bertulis seperti soalan betul salah (PK1T1:158, PK3T1:81), soal jawab lisan (PK1T1:158), penggunaan aplikasi *kahoot.com* serta pengukuhan dengan penggunaan aplikasi iAMAL yang dibina (PK2T1:153).

<i>Pelaksanaan Aktiviti Pengukuhan</i>	<i>PK1</i>	<i>PK2</i>	<i>PK3</i>
Latihan bertulis	X		X
Soal jawab lisan	X		
Aplikasi atas talian		X	

Jadual 4 : Ringkasan pelaksanaan kaedah aktiviti pengukuhan pengajaran ibadah solat.

4.0 PERBINCANGAN

a) Amalan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat

Dapatan kajian mendapati terdapat empat kaedah utama yang digunakan oleh peserta kajian dalam pengajaran ibadah solat terhadap pelajar bermasalah pendengaran, iaitu kaedah penerangan, demonstrasi, praktikal dan aktiviti pengukuhan. Hasil kajian ini dilihat hampir selari dengan kajian Abd Munir Ismail (2018) menyatakan, kaedah pengajaran pendidikan Islam yang diterima oleh pelajar adalah syarahan, demonstrasi dari guru, tunjukcara dari pelajar, kaedah bercerita, aktiviti berkumpulan dan lawatan. Menurut Nurul Syuhada Johari et. al (2016) pula, pendekatan kuliah, perbincangan, demonstrasi dan penyelesaian masalah adalah kaedah yang diterima oleh para pelajar dalam pengajaran ibadah solat. Walaupun hasil kajian adalah hampir sama, namun terdapat perbezaan darisegi teknik dan strategi dalam setiap kaedah tersebut terutamanya terhadap pelajar bermasalah pendengaran. Seperti yang dinyatakan dalam kajian Solehah Samsudin et. al (2022), kaedah pengukuhan amali atau tunjukcara adalah amat dititikberatkan dalam pengajaran Pendidikan Islam terhadap pelajar bermasalah pendengaran. Selain dari itu, masalah pendengaran (auditori) yang dialami pelajar memerlukan kepada kaedah pengajaran berunsurkan VAK (Visual, Auditori dan Kinestatik) (Bahariah Ab Rahman, 2021). Oleh yang demikian, kaedah pengajaran yang dilakukan oleh kesemua pensyarah pelajar bermasalah pendengaran perlulah memenuhi keperluan mereka berdasarkan masalah yang dialami.

Kaedah penerangan ibadat solat semasa sesi PdPc terhadap pelajar bermasalah pendengaran, diberikan secara ringkas tanpa huraian yang panjang iaitu hanya berkaitan dengan teori ibadah solat antaranya pengertian, syarat sah, syarat wajib dan rukun solat. Ianya disampaikan secara bahasa isyarat dengan bantuan slaid pengajaran. Menurut Mohd Razimi Husin et. al (2023), pelajar bermasalah pendengaran mempunyai kekurangan dari segi linguistik iaitu tidak mempunyai kosa kata yang banyak, tidak mampu memahami ayat yang

panjang dan mempunyai daya ingatan yang kurang. Oleh itu, pengkaji mendapati kesemua peserta kajian menggunakan kaedah ini sebagai permulaan PdPc bagi memperkenalkan topik dan juga istilah-istilah yang akan digunakan dalam ibadat solat ini seperti, solat wajib, solat sunat, rukun *qawli* (perkataan), rukun *fi'li* (perbuatan) dan juga rukun *qalbi* (hati).

Pengkaji mendapati bahawa kaedah demonstrasi dan praktikal menjadi kaedah utama yang paling diberatkan oleh semua pengkaji. Dalam pengajaran ibadah solat, kaedah demonstrasi simbolik dan demonstrasi persepsi banyak digunakan oleh para peserta kajian. Manakala demonstrasi model hidup hanya dilakukan oleh seorang peserta kajian. Demonstrasi model hidup dilaksanakan samada pensyarah yang melakonkan sendiri perbuatan solat satu persatu atau pensyarah meminta seorang pelajar untuk melakonkan setiap perbuatan solat tersebut dihadapan pelajar lain dengan bantuan pensyarah. Bagi demonstrasi model simbolik, digunakan oleh semua peserta kajian, iaitu dengan menayangkan gambar pelaksanaan solat secara berturutan. Demonstrasi model persepsi pula dilakukan oleh peserta kajian dengan menayangkan video pelaksanaan solat serta video penghayatan berkaitan solat. Sebagai contoh video berkenaan azab kubur yang bertujuan untuk meningkatkan penghayatan kepentingan pelaksanaan solat bagi pelajar. Masa yang diambil oleh peserta kajian bagi demonstrasi ibadah solat adalah lebih panjang. Ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelajar bermasalah pendengaran yang mengutamakan pembelajaran berkonsepkan visual seperti mana kajian-kajian yang lepas.

Kajian daripada Kamarul Azmi Jasmi (2006) berkenaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran wuduk Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa kaedah simulasi ataupun demonstrasi adalah satu kaedah utama dalam pembelajaran wuduk, dimana apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dilakukan semula oleh para sahabat . Ini dapat dilihat melalui hadis Sahih Bukhari yang bermaksud:

“Seorang lelaki bertanya kepada Abdullah bin Zaid r.a. “Bolehkah kamu tunjukkan bagaimana Rasulullah SAW berwuduk?” Abdullah bin Zaid r.a menjawab, “Baiklah!”. Kemudian beliau meminta air lalu menuangkan ke dalam dua tapak tangannya....”

(Al-Bukhari)

Hadis ini juga menunjukkan bahawa kaedah demonstrasi adalah perlu seiring dengan kaedah praktikal. Ini bertepatan dengan hasil kajian yang mendapati kesemua peserta kajian


turut menjalankan kaedah praktikal bagi memastikan pelajar berpengalaman dalam melaksanakan ibadah solat dengan cara yang betul. Peserta kajian kesemuanya, melaksanakan kaedah tunjukcara bertujuan untuk menegur dan memperbaiki pelaksanaan ibadah mereka secara langsung supaya pelajar dapat memahami dengan lebih mendalam berkenaan cara pelaksanaan ibadah solat.

Selain dari itu, aktiviti pengukuhan turut dilaksanakan oleh peserta kajian bagi pengajaran ibadah toharah dan ibadah solat. Aktiviti pengukuhan yang dilaksanakan oleh peserta kajian berbentuk soalan bertulis, soalan melalui aplikasi (contoh: *Kahoot.com*), mahupun soalan secara lisan yang bertujuan untuk mengenalpasti hasil pembelajaran pelajar terhadap isi perbincangan ibadah toharah dan solat ini. Aktiviti pengukuhan ini lebih merujuk kepada penilaian formatif yang bertujuan untuk mengetahui dan mengukuhkan pengajaran. Menurut Bahariah Ab Rahman (2021), ujian formatif boleh dijalankan dalam bentuk soal jawab lisan, memeriksa latihan murid dan lambaran kerja murid dan seumpamanya. Menurutny lagi, ianya boleh dilakukan secara individu, kumpulan atau menyeluruh.

5.0 KESIMPULAN

Kelainan keupayaan pelajar bermasalah pendengaran ini memerlukan proses pembelajaran serta pendekatan yang berbeza dengan pelajar tipikal. Walaupun kaedah yang digunakan dilihat seperti kaedah yang kerap digunakan, namun strategi dan teknik yang digunakan oleh pensyarah yang berpengalaman dapat membantu pensyarah mahupun guru pendidikan Islam dalam mengajar kursus ini khususnya ibadat solat.

Secara kesimpulannya, kajian mendapati kaedah pengajaran ibadat solat yang diamalkan oleh pensyarah Pendidikan Islam terhadap pelajar bermasalah pendengaran di Politeknik Malaysia semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung adalah seperti berikut:



Rajah 2 : Kerangka Amalan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat Pelajar Bermasalah Pendengaran Politeknik Malaysia.

Pelaksanaan kaedah ini, dilihat mampu memberikan impak yang besar kepada pengetahuan serta pemahaman pelajar bermasalah pendengaran melalui kesedaran kewajipan solat, semangat dalam menunaikan solat, serta pelajar mengetahui kesalahan yang perlu diperbaiki dalam solat. Manakala, kedah-kaedah pengajaran ini juga dapat membantu memudahkan para pensyarah dalam melaksanakan penilaian serta meningkatkan penglibatan pelajar semasa proses PdPc berlangsung.

6.0 PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada peserta kajian temubual di kalangan pensyarah Pendidikan Islam pelajar bermasalah pendengaran, Politeknik Malaysia dan JPPKK yang membenarkan kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail (2018). Strategi Pengajaran Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah Daerah Besut, Terengganu. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 10(2), 11-21. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1782>
- Bahariah Ab Rahman (2021). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (Ketidakupayaan Pendengaran). *Tesis Sarjana Pendidikan Islam*, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI
- Hamdi Ishak (2010), *Pekak dan Bisu Menurut Perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Izuli Dzulkifli, Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Nor Aniza Ahmad (2020). Cabaran Komunikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam kepada Murid Kurang Upaya Pendengaran, *International Journal of Islamic Thought*, v.18, 13-25
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Penerbit UTM Press.
- Kamarul Azmi Jasmi (2006). Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Wuduk Rasulullah S.A.W. dan Para Sahabat: Satu Pemerhatian. *Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-5 at Hotel Vistana, Pulau Pinang on 29 April 2006*. Pulau Pinang: Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia and Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, pp 1-10.
- Khadijah Abdul Razak, Mohd Aderi Che Noh & Norhaslina Sulaiman (2015). Amalan Ibadah dan Akhlak dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran di Politeknik Malaysia. *Technical and Social Science Journal. Politeknik Malaysia*
- Mohammad Asyiq Azwar Mohammad Idris & Mohd Arif Nazri (2022), Rukhsah Terhadap Golongan Orang Kelaianan Upaya (OKU), *TURATH Journal of Al-Quran and Al Sunnah*, 7(2), 11-21
- Mohd Huzairi Awang @ Husain, Rahimin Affandi Abd Rahim & Hajarul Bahti Zakaria (2017). Pengetahuan Ibadah Remaja Pekak di Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Speacial Education. SEAMEO Regional Centre for Speacial Educational Needs*. V (2) p 281-288
- Nizaita Omar, Razi Yaakob, Ruhaizan Sulaiman & SAiful Yuslizam Yakar (2021). Challenges in Teaching and Learning of Fardhu Ain Classes for the Deaf in Malaysia. *Sains Insani 2021*, 6(3), 77-84

- Nurul Shuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhrudin & Asmawati Suhid (2016). Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Ibadah Solat Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid. *Online Journal of Islamic Education (O-jIE)*. v.4, i.2, hlm 46-53
- Shahrul Arba'iah Othman (2017). Pengaruh Faktor Peribadi dalam Kecemerlangan Akademik Siswa Guru Kurang Upaya Pendengaran. *Proceeding of the International Conference on Speacial Education. SEAMEO Regional Centre for Speacial Educational Needs*. V (2) p 304-309
- Solehah Samsudin, Nur Afifah Saharudin, Hazwani Ubaidillah & Ariyanti Adnan (2022). Sorotan Terhadap Pendekatan Pembelajaran Pendidikan Islam Pelajar Berkeperluan Khas (PBK) Pendengaran Politeknik, *Jurnal Kejuruteraan Teknologi dan Sains Sosial*, v.8, (X)
- Wan Zailan Kamaruddin & Ahmad Zuhdi (2008). Konsep Kewajipan dan Tanggungjawab (al-Taklif) dalam Pemikiran Islam:Penerapan dan Aplikasinya dalam Kehidupan Masyarakat Muslim. *Ushuluddin: Jurnal Tentang Kajian Pemikiran Islam Klasik dan Modern*. XIII (2). pp. 132-140
- Yosefina Nurmawati Darajati & Diana Permata Sari (2019). The Relation Between Social Support and Emotion-Focused Coping in Deaf Adolescent in Boarding Schools. *Proceeding of the International Conference on Speacial Education. SEAMEO Regional Centre for Speacial Educational Needs*. V (3) p 133-137